

## STRATEGI KEPENGARANGAN MELAYU TRADISI SEBAGAI LAMBANG AKAL BUDI BANGSA YANG TINGGI (*TRADITIONAL MALAY AUTHORING STRATEGY AS A SYMBOL OF A NATION'S HIGH LEVEL OF COMMON SENSE*)

Norazimah bt Zakaria

Fakulti Bahasa dan Kesusastraan Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

Suhana bt Sariff

Fakulti Bahasa dan Kesusastraan Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi

Institut Peradaban Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

Email: mazarul\_hasan@yahoo.com

### ABSTRACT

*Traditional Malay authors are authoritative figures in elevating traditional literature texts through creative writing techniques. Mythical and legendary elements were included in the texts to fulfil the function of traditional literary texts as a cultural document and as a mirror to the common sense of the Malay's. Wars are common occurrences in great civilisations, but the strategy in avoiding wars has never been the starting point to the success of a civilisation. There are several war-avoiding strategies mentioned in historical literary texts, which could elevate the civilisation of a nation some time ago that should be recognized by the modern society. Traditional Malay authors played a very big role in designing the authority and leadership of the characters selected in the text. Therefore this article has two objectives, where the first is identifying authoritative figures in manoeuvring war-avoiding strategies found in traditional Malay literary texts, and the second objective is explaining the effects from the war-avoiding strategies to the nation state. This article will use creative thinking technique approach, which is analogy or figure of speech, where the first is the analogy of nature, the second is the personal analogy and the third is the analogy of fantasy (Abdullah Hassan and Ainon Mohd, 1996). The analogy of nature involves living things such as animals and plants. It means the author needs to take any living thing, examine the characteristics and study how it does something. After that, he comes up with similar methods that could be used to solve our problems. On the other hand, personal analogy requires the individual to visualize that particular object is oneself, and the analogy of fantasy allows the individual to think in an eccentric manner. Therefore, the role of traditional Malay author is very important in describing ideas or strategies to avoid wars through characters chosen in texts. Historical literary texts such as Sejarah Melayu and Hikayat Hang Tuah are examples of texts that ought to be examined to see the high level of common sense in the thinking of traditional authors who have advanced by thinking creatively and critically.*

Key words: authors, traditional literature, creative thinking, historical literature

### Pendahuluan

*Sejarah Melayu mengisahkan tentang negara kota iaitu Melaka dari awal pembentukan negeri, zaman kegemilangan sehingga zaman kejatuhananya. Sejarah Melayu mengagungkan keturunan raja melalui unsur-unsur ajaib. Dikatakan bahawa Raja Melaka berasal dari keturunan Iskandar Zulkarnain, iaitu raja dari Macedonia yang terkenal kepahlawannya di seluruh dunia. Tun Sri Lanang menggambarkan keturunan Raja Melaka sebagai raja yang mulia, dan berdaulat. Walau bagaimanapun, 3 dari segi pentarikhkan, Sejarah Melayu tidak mementingkan catatan tarikh mengenai peristiwa-peristiwa yang dinyatakan di dalamnya. Terdapat banyak unsur mitos dan legenda yang terkandung dalam Sejarah Melayu yang berjaya mengangkat keturunan Raja Melaka sebagai raja yang tinggi darjatnya melebihi Maharaja China, Siam, dan Majapahit. Manakala Hikayat Hang Tuah mengangkat ketokohan Hang Tuah sebagai pahlawan Melayu yang berkhidmat dengan Raja Melaka. Pada awal cerita dikisahkan tentang asal-usul Hang Tuah. Kemudian Hang Tuah digambarkan sebagai seorang yang mempunyai kehebatan mempertahankan diri dan bermain senjata. Selain itu, Hang Tuah juga merupakan seorang yang pintar dalam menghadapi muslihat, tipu helah, dan risiko. Kepahlawanan Hang Tuah ibarat perisai kepada negeri Melaka. Zaman kegemilangan Melaka memuncak dengan kredibiliti Hang Tuah sebagai laksamana yang digeruni negara luar seperti Majapahit dan Siam.*

Perang menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) adalah perkelahian atau pertempuran dan lain-lain dengan menggunakan senjata antara negeri dengan negeri dan lain-lain. Jadi perang merupakan sarana untuk mencapai tujuan politik, di samping perang itu sendiri merupakan kesinambungan daripada konflik politik. Kaedah universal yang lain yang harus diperhatikan

adalah perang didasarkan pada keputusan politik dan tujuan dari perang juga ditentukan oleh para pemimpin politik, bukan pemimpin militer. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* merupakan karya agung yang menggarap isu pembinaan negara kota, kepahlawanan tokoh, dan kedaulatan raja-raja Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengetengahkan kewibawaan tokoh-tokoh merujuk teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam mengatur strategi mengelak perang yang pernah diguna pakai oleh masyarakat zaman kesultanan Melayu Melaka suatu ketika dahulu. Siam dan Majapahit merupakan antara kuasa besar yang terkenal sebagai negara yang berpengaruh pada ketika itu. Bagi mengelak daripada pertumpahan darah, strategi di rencana supaya rakyat terselamat daripada menghadapi peperangan yang dahsyat. Bertitik tolak daripada unsur peperangan, pengkaji akan mengupas kredibiliti tokoh yang menjadi tunggak utama dalam menjayakan strategi-strategi terbabit di samping kesannya terhadap negara bangsa ketika itu.

Dalam usaha mengelak peperangan dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* terdapat beberapa tokoh pemimpin yang dipercayai mempunyai kebakaran dalam mengatur strategi mengelak perang. Antara tokoh yang menjadi peneraju angkatan perang ialah Bendahara Paduka Raja Tun Perak, Laksamana Hang Tuah, Perdana Menteri China, Menteri Jana Putera, dan Tun Telanai. Kesemua tokoh ini merupakan golongan pemimpin yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap negara. Selain raja, golongan atasan ini wajar diketengahkan sebagai golongan pemikir dan pemimpin yang berwibawa. Terdapat beberapa orang tokoh yang akan dibincangkan iaitu Bendahara Paduka Raja Tun Perak, Laksamana Hang Tuah, Tun Telanai, Menteri Jana Putera, dan Perdana Menteri China.

### TUN PERAK

Bendahara Seri Paduka Raja Tun Perak bin Tun Perpatih Sedang ialah Bendahara Melaka yang kelima dan merupakan bendahara yang termasyhur antara semua bendahara Melaka. Pangkat ini yang membawa gelaran "Bendahara Paduka Raja" dalam Kesultanan Melayu Melaka adalah setanding dengan Perdana Menteri moden. Bendahara Tun Perak adalah setanding dengan Aria Gajah Mada dari Majapahit, dan Raja Kenayan dari Pasai, yang dianggap sebagai tiga orang pentadbir yang teragung di alam Melayu pada abad ke-15. Selain mahir dalam ilmu peperangan, Bendahara Paduka Raja Tun Perak juga arif dalam ilmu karang-mengarang, firasat dan ramalan. Selain itu, Bendahara Paduka Raja Tun Perak juga seorang pemberi yang adil, amanah dan sangat berpengaruh. Tun Perak ialah anak Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Sedang dan merupakan Penghulu Kelang dari tahun 1445 ketika berlangsungnya permusuhan antara kerajaan Siam dan Melaka. Pada ketika itu, Tun Perak diperintahkan untuk datang ke Melaka bersama-sama orang lelaki Kelang yang lain. Tindakan Tun Perak membawa sekali golongan wanita menimbulkan persoalan pada Sultan Muzaffar Syah kerana mereka dikehendaki berperang dengan Siam. Tun Perak memberi alasan bahawa kedatangan perempuan adalah supaya lelaki akan berperang lebih bersungguh-sungguh untuk melindungi anak dan isteri mereka. Setelah menewaskan percubaan Siam untuk menakluk Melaka pada tahun 1446, beliau dilantik oleh baginda Sultan Muzaffar Syah sebagai Bendahara Paduka Raja. Kebijaksanaan Tun Perak yang telah memberikan sumbangan idea dan strategi yang berkualiti membuatkan Sultan Melaka (Sultan Muzaffar Syah) tertarik untuk menabalkannya sebagai Bendahara Melaka. Keperibadian Tun Perak mengundang perasaan kagum Sultan Muzaffar Syah lalu membenarkan Tun Perak melaksanakan strategi mengelak perang dengan Siam. Ketika menghadapi serangan Siam di jalan laut, Tun Perak telah mengarahkan tenteranya memasang obor atau jamung di sepanjang pokok di tepi pantai. Strategi ini membuatkan tentera musuh berasa gentar kerana menyangka tentera Melaka terlalu ramai untuk dikalahkan. Akhirnya tentera Siam membatalkan hasrat untuk menyerang Melaka. Strategi ini memberikan kemenangan besar kepada Melaka dan menyelamatkan ribuan nyawa pada ketika itu.

### HANG TUAH

Manakala dalam *Hikayat Hang Tuah* ada menyebut tentang asal keturunan Hang Tuah. Hang Tuah merupakan anak kepada Hang Mahmud dan Dang Merdu yang tinggal di Sungai Duyung. Hang Mahmud pernah bermimpi melihat bulan turun dari langit dan cahayanya penuh di atas kepala Hang Tuah. Pada firusat Hang Mahmud, anaknya iaitu Hang Tuah bakal menjadi orang penting suatu hari nanti. Kemudian Hang Mahmud membawa Hang Merdu dan Hang Tuah berpindah ke Bentan. Di Bentan, Hang Tuah telah belajar agama dengan seorang lebai. Selepas khatam al-Quran, Hang Tuah telah mempelajari 12 bahasa antaranya Bahasa Keling, Bahasa Cina, dan Bahasa Jawa. Setelah berumur 10 tahun, Hang Tuah telah bersahabat baik dengan Hang Lekir, Hang Lekiu, Hang Kasturi, dan Hang Jebat. Mereka berlima telah bersama-sama mempelajari ilmu pertahanan diri dengan Aria Putera di Bukit Pancalusa. Antara mereka berlima, Hang Tuah paling terserlah sifat kepimpinannya. Peristiwa Hang Tuah lima bersaudara mengalahkan orang mengamuk menarik minat bendahara untuk mengambil mereka sebagai biduanda. Dari situ bermula episod Hang Tuah lima bersaudara yang menjadi orang penting di Melaka. Hang Tuah yang menumpahkan taat setianya kepada Sultan Melaka dan sanggup mempertahankan negeri Melaka daripada anasir jahat. Kewibawaan Laksamana Hang Tuah sering kali dapat menyelamatkan Melaka daripada binasa sehingga membuatkan namanya masyhur zaman-berzaman. Kredibilitinya sebagai pahlawan Melayu diakui di Melaka, Siam, Majapahit dan beberapa negeri besar sewaktu zaman kegemilangannya. Peristiwa Hang Tuah menyelamatkan Melaka dari serangan Megat Terengganu, bertahan dari serangan Inderapura ketika melarikan Tun Teja, dan mempertahankan rombongan Melaka daripada bermusuhan dengan Majapahit memperlihatkan kewibawaannya sebagai pemimpin angkatan perang yang berwibawa. Dua orang pemberi Melaka iaitu Menteri Jana Putera dan Tun Telanai merupakan antara tokoh yang memperlihatkan standard pemimpin berwibawa. Telah beberapa kali bekerjasama dalam menjadi utusan raja untuk urusan diplomatik. Antaranya menjadi utusan raja ke negeri Brunei, Siam, dan China. Berhadapan dengan raja-raja negara besar bukanlah sesuatu yang boleh dianggap mudah kerana utusan raja perlu menjaga adat dan martabat negeri. Oleh itu, bukanlah calang-calang orang boleh menggalas tanggungjawab ini melainkan orang yang mempunyai personaliti yang kuat dan ampuh dalam pelbagai situasi yang tidak terduga.

### MENTERI JANA PUTERA DAN TUN TELANAI

Sewaktu menjadi utusan Melaka yang pergi ke Siam untuk menjalin hubungan diplomatik, Menteri Jana Putera dan Tun Telanai telah berjaya merancang strategi mengelak perang di kawasan yang kuat. Disebabkan Melaka dan Siam tidak mempunyai hubungan yang begitu baik, maka Sultan Melaka iaitu Sultan Mansur Syah mengarahkan kedua-dua pemberi itu berangkat ke

Siam untuk menyampaikan surat salam. Ketibaan mereka di Siam disambut baik. Namun rombongan Melaka diminta oleh Raja Siam untuk membantu Siam mengalahkan musuh di sebelah barat. Menteri Jana Putera dan Tun Telanai mengetahui bahawa kawasan barat mempunyai tentera yang ramai dan kuat. Kumpulan orang Melaka yang kecil tidak akan dapat mengalahkan musuh di situ. Tun Telanai dan Menteri Jana Putera membuat helah dengan memberi alasan bahawa mereka tidak boleh berperang di kawasan yang menghadap kiblat kerana menghormati agama Islam. Lalu Raja Siam menukar perancangan supaya rombongan Melaka menyerang musuh di bahagian timur yang lebih lemah pertahanannya. Di samping dapat menjaga nama baik Melaka, rombongan Melaka juga dapat memberi reaksi positif kepada kerajaan Siam.

### **PERDANA MENTERI CHINA**

Merupakan Perdana Menteri China yang berwibawa dan mahir dalam urusan pentadbiran. Menjadi orang kanan Raja China dalam urusan pentadbiran negara. Selain itu, Perdana Menteri China juga arif dalam adat istiadat negeri China dan protokol di istana. Di samping itu, Perdana Menteri China turut terbabit dalam hal ehwal berkaitan negara sama ada dari segi urusan diplomatik, maupun ketenteraan. Sebagai penasihat raja, Perdana Menteri China harus mempunyai pengalaman yang luas, dan bijaksana. Hal ini demikian kerana, China merupakan negara besar yang terkenal. Negara China digeruni oleh kebanyakan negara kerana statusnya yang tinggi. Perdana Menteri China bertindak sebagai penasihat dan pemangku raja dalam kebanyakan urusan negara. Kewibawaan Perdana Menteri China terlihat apabila berjaya membatakan hasrat Raja Suran untuk menyerang China. Perdana Menteri China telah mengarahkan sebuah pilau diisi dengan orang tua, jarum karat, dan pokok buah-buahan untuk belayar ke Temasik. Di Temasik orang-orang tua tersebut telah membuat helah dengan mengatakan bahawa mereka mula belayar adalah pada usia remaja lagi. Tetapi disebabkan Temasik terlalu jauh, mereka hanya dapat sampai ke situ setelah mereka tua, dan besi yang dahulunya besar tinggal seperti jarum. Apabila Raja Suran mendengar cerita tersebut, Raja Suran telah membatakan hasrat untuk menyerang China. Kejayaan Perdana Menteri China mengatur strategi mengelak perang akhirnya dapat menyelamatkan negara China daripada menghadapi kemusnahan sekaligus memperlihatkan ketokohan Perdana Menteri China sebagai seorang pember.

### **Peristiwa Dan Strategi Pengarang Dalam Teks – Peristiwa Raja Suran Dan Maharaja CHINA**

Sebuah peristiwa mengelak perang dalam *Sejarah Melayu* pada Bab 1 yang bertajuk “Perjalanan Hendak Menakluk Negeri China” merupakan peristiwa yang memperlihatkan bagaimana pengarang menggunakan analogi fantasi kepada sesebuah gambaran jarak, masa dan tempat sehingga menjadikan orang yang mendengar menjadi kagum dan percaya dengan apa yang diperkatakan tanpa ragu. Analogi fantasi ditampilkan dengan bukti bagi meyakinkan pendengar, dan disebabkan tiada siapa pun yang mengetahui di mana kedudukan kerajaan China maka ia menyebabkan mereka percaya dengan apa yang dilihat dan diperkatakan. Ia menggambarkan kepada kita tentang kebijaksanaan pengarang dalam menyelesaikan sesebuah masalah yang boleh membawa kepada tercetusnya perang. Daripada suatu sudut pandangan yang lain, pengarang terlebih dahulu menggambarkan kehebatan Raja Suran yang amat digeruni kerana telah berjaya menakluk banyak negara. Apabila Raja Suran sampai ke Temasik, negara China dikejutkan dengan berita bahawa Raja Suran bakal menyerang dan menakluki China. Maharaja China amat susah hati dengan berita tersebut kerana Raja Suran merupakan raja yang terkenal kehebatan dan kekuatannya serta hampir mustahil untuk dikalahkan. Perdana Menteri China walaupun bagaimanapun telah mencadangkan strategi bagi mengelak serangan dari tentera Raja Suran. Contoh:

*Maka Perdana Menteri pun menyuruhlah melengkapi sebuah pilau yang terbesar, diisi dengan jarum yang seni, lagi yang karat; maka diambilnya pula pohon kesmak dan pohon segala buah-buahan yang ada buahnya, ditanamnya di atas pilau itu, dan dipilihnya orang yang tua-tua sudah tanggal giginya, disuruhnya naik pilau itu, dipesaninya oleh Perdana Menteri itu dan disuruhnya belayar ke Temasik.*

(*Sejarah Melayu*, hlm. 13)

Pengarang menggambarkan Perdana Menteri China seorang yang mempunyai daya intelek yang tinggi apabila strateginya untuk mengelak perang berhasil dengan jayanya. Peperangan antara China dan Raja Suran berjaya dielakkan melalui strategi berkesan. Bagi sebuah negara yang besar dan berpengaruh, China sudah tentunya diterajui pemimpin-pemimpin yang bijaksana dan berwibawa. Perdana Menteri China memperlihatkan pengaruh ideal apabila berjaya mempengaruhi Maharaja China dan pengikut agar mengikut rancangannya demi mengelak perang dengan Raja Suran. Strateginya mendapat kepercayaan Maharaja China sekali gus membawa kepada kejayaan. Apabila tiba di Temasik orang-orang tua tersebut telah menyatakan kepada utusan Raja Suran bahawa ketika mula belayar dari negeri China mereka masih muda belia iaitu berusia 12 tahun. Pokok buah-buahan yang terdapat di dalam pilau itu adalah biji yang ditanam oleh mereka dahulu. Sehinggalah mereka tua dan tertanggal gigi baharu mereka sampai di negeri Temasik. Kemudian orang tua itu mengambil beberapa bilah jarum karat dan menyatakan bahawa besi itu dahulunya sebesar lengan tetapi kini hanya tinggal sekecil itu. Akibat perjalanan yang terlalu jauh, mereka juga lupa berapa tahun yang diambil untuk sampai ke Temasik. Utusan Raja Suran kemudian menyampaikan cerita orang-orang tua yang datang dari China itu. Apabila mendengarnya, Raja Suran membatakan hasrat untuk menyerang China kerana disangkakan negara itu terlalu jauh sekali. Akhirnya negara China terselamat daripada diserang oleh tentera Raja Suran. Contoh:

*Maka sahut China itu “tatkala kami keluar dari benua China, sekalian kami-kami ini sedang muda-muda belaka, baru dua belas tahun umur kami, dan segala buah-buahan ini bijinya kami tanam, kami pun tualah, gigi kami semua pun habis tanggal; segala buah-buahan yang kami tanam itu berbuahlah, baharulah kami sampai ke mari”. Maka diambilnya jarum ada beberapa bilah itu, ditunjukkan pada keling itu, katanya “besi ini kami bawa ke mari dari benua China seperti lengan besarnya, sekarang inilah tinggalnya habis haus; demikianlah peri lamanya kami di jalan, tiadalah kami tahu akan bilangan tahunnya”.*

(*Sejarah Melayu*, hlm. 13-14)

Pengarang telah meletakkan watak Perdana Menteri China mempunyai ciri intelek yang tinggi kerana menggunakan segala apa yang ada dan berpotensi iaitu orang tua, jarum karat, dan tumbuhan dalam usaha mengelak peperangan besar yang boleh meragut banyak nyawa. Secara tidak langsung ini memberi motivasi kepada rakyat agar kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan tidak semestinya perlu berperang untuk mendapatkan kedamaian. Bukan sahaja rakyat pada zaman tersebut dapat mengambil iktibar, malah masyarakat zaman ini juga mengagumi kebijaksanaan strategi yang diatur oleh Perdana Menteri China itu. Peristiwa ini merupakan contoh jelas kepada kewibawaan tokoh yang mengatur strategi mengelak perang yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu*. Peperangan bukanlah suatu tindakan bijak dalam menangani perbalahan. Sebaliknya, perang adalah alternatif terakhir yang boleh dilakukan oleh sebuah negara dalam menghadapi serangan musuh. Dalam jangka masa menunggu kedatangan musuh, Perdana Menteri China merangka idea dan perancangan yang lebih baik dan bersifat intelektual. Sekali gus dapat membuka mata masyarakat tentang kebijaksanaan seorang pemimpin yang memberi inspirasi berbeza berbanding kebiasaan.

### Peristiwa Bendahara Paduka Raja Tun Perak Mematahkan Serangan Siam

Sementara dalam Bab 5 *Sejarah Melayu*, bertajuk “Langgaran Siam Dipatahkan” terdapat peristiwa yang memperlihatkan kewibawaan tokoh dalam merangka strategi mengelak perang berlaku di Melaka. Sewaktu pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Melaka telah diancam oleh negara Siam iaitu sebuah kuasa besar pada zaman tersebut. Raja benua Siam iaitu Syahru'n Nuwi merupakan raja besar dan mempunyai jajahan takluk yang banyak. Melaka pada waktu itu tidak mahu tunduk kepada Siam lalu membuatkan Raja Syahru'n Nuwi mengarahkan Sultan Muzaffar Syah agar mengirim surat sembah. Disebabkan Sultan Muzaffar Syah enggan tunduk kepada Raja Siam, maka Raja Siam telah mengarahkan pembesarnya bernama Awi Cakri bersedia bersama bala tentera menyerang Melaka melalui jalan darat. Sultan Sultan Muzaffar Syah telah menghimpunkan rakyatnya untuk berhimpun ke Melaka. Kedatangan penghulu kelang iaitu Tun Perak bersama rakyat Kelang lelaki dan wanita menimbulkan pertanyaan kerana ramai tidak mengetahui fungsi wanita dan anak-anak dalam menangani krisis perang. Walau bagaimanapun, Bendahara Paduka Raja Tun Perak menyatakan bahawa kedadangan mereka dengan membawa seisi keluarga adalah untuk membangkitkan semangat juang para lelaki yang akan berperang. Hal ini terbukti apabila Melaka berjaya mengalahkan tentera Siam yang ramai. Dalam peristiwa ini pengarang telah memberikan analogi peribadi kepada watak cerita. Analogi peribadi pula mengkehendaki individu membayangkan benda itu adalah diri kita sendiri. Pengarang telah meletakkan kebijaksanaan Tun Perak dengan membawa semua isteri dan keluarga mereka untuk memberi semangat juang kepada suami mereka ketika berperang.

Percubaan kedua Siam untuk menyerang Melaka dipatahkan oleh strategi mengelak perang yang dirangka oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Melaka mengetahui bahawa Siam akan menyerang dari arah laut. Bendahara Paduka Raja Tun Perak telah merangka strategi bagi mengelakkan peperangan daripada meletus. Bendahara Paduka Raja Tun Perak mengarahkan Tun Omar iaitu seorang pahlawan yang berani dan gila-gila untuk melanggar perahu-perahu Siam. Tun Omar berjaya melanggar beberapa perahu Siam walaupun hanya bertindak seorang diri. Hal ini menimbulkan kehairanan orang Siam kerana beberapa perahu mereka kalah dikerjakan oleh Tun Omar. Analogi peribadi kepada watak Tun Omar meletakkan dirinya daripada seorang yang waras kepada berperi laku seperti orang gila. Fungsi kreatif iaitu idea gila-gila yang diberikan kepada watak Tun Omar untuk melakukan sesuatu perkara yang luar biasa dan ia dianggap sebagai berani serta luar daripada kebiasaan. Pengarang memanfaatkan analogi alam yang boleh dilihat dalam peristiwa Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang telah mengarahkan pengikutnya memasang puntuang api atau jamung di pokok-pokok sepanjang pantai. Apabila orang Siam melihat api-api yang bergemerlap dari laut, mereka menyangka bahawa tentera Melaka yang terlalu ramai sedang menunggu untuk menyerang mereka di sepanjang pantai. Tentera Siam menjangkakan mereka akan kalah jika perang diteruskan kerana tentera Melaka terlalu ramai. Sedangkan Tun Omar pun mereka tidak dapat tangani inikan pula bala tentera Melaka yang memenuhi sepanjang pantai. Akhirnya tentera Siam membatalkan hasrat untuk menyerang Melaka dan pulang semula ke Siam. Sementara Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan hulubalang kesemuanya telah menerima persalinan dan ganjaran daripada Sultan Melaka di atas kebijaksanaannya menyelamatkan Melaka daripada peperangan. Pengarang telah meletakkan watak Bendahara Paduka Raja Tun Perak sebagai seorang yang telah memberi impak luar biasa terhadap struktur pentadbiran Melaka. Sejak dari awal kedadangannya lagi Bendahara Paduka Raja Tun Perak telah menunjukkan ciri-ciri pemimpin berkarsma apabila memiliki konsep motivasi berinspirasi dan mempunyai pertimbangan individu. Hal ini membuktikan bahawa Bendahara Paduka Raja Tun Perak sangat mementingkan motivasi pengikutnya dalam melaksanakan tugas. Hal ini dapat dibuktikan apabila Bendahara Paduka Raja Tun Perak membawa orang-orang perempuan dari Kelang ke Melaka dalam usaha menaikkan semangat pengikutnya yang ingin berperang.

*“Jikalau barang sesuatu hal negeri ini, apa disebutkannya akan kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba bawa dengan segala anak perempuannya sekali. Jikalau dia berperang dengan musuh pun bersungguh-sungguh hati; kurang-kurang ia melawankan duli yang dipertuan, lebih-lebih ia melawankan anak perempuannya”.*

(*Sejarah Melayu*, hlm. 90)

Pengarang telah memberi sifat ideal pada Bendahara Paduka Raja Tun Perak kerana telah berjaya mempengaruhi pengikutnya dan Sultan Muzaffar Syah. Bendahara Paduka Raja Tun Perak mempunyai cara tersendiri dalam menghadapi konflik. Cara yang dibawanya adalah cara baharu dan berbeza dari yang lain. Pada awalnya menimbulkan keimbangan kepada beberapa pembesar Melaka. Akan tetapi Bendahara Paduka Raja Tun Perak berpegang pada prinsipnya dan tidak gentar pada pandangan orang lain. Baginya setiap tindakan dan pekerjaan yang dilakukan pasti mempunyai sebab musabab tertentu dan tidak wajar dipertikaikan tanpa mengetahui tujuan pekerjaan tersebut. Contoh:

*“Hei Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah dijaga baik-baik peliharakan, jangan diberi berkarat; akan pekerjaan kami, orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu?”*

(Sejarah Melayu, hlm. 90)

Sikapnya yang tegas menarik minat Sultan Muzaffar Syah untuk melantiknya sebagai bendahara. Apabila menjadi bendahara, sifat kepimpinannya tetap terserlah apabila mempraktikkan strategi bagi mengelak perang dengan Siam. Jika sebelum ini peperangan menjadi pertahanan terakhir sesebuah negara, Bendahara Paduka Raja Tun Perak telah memancarkan sifat-sifat yang diyakini dapat menyelamatkan Melaka daripada serangan Siam iaitu dengan merancang strategi mengelak perang. Ternyata Bendahara Paduka Raja Tun Perak telah mengambil risiko yang besar bersama-sama pengikutnya dalam usaha mengelak peperangan daripada terjadi. Dari sudut intelek, strateginya berkennaan puntung api di sepanjang pantai ternyata kreatif dan berjaya kerana dapat menimbulkan rasa gerun pihak musuh. Sekaligus membatalkan niat musuh untuk menyerang Melaka. Contoh:

*"Setelah hari malam maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja, segala pohon bakau, dan nyireh, dan tumu, api-api itu sekaliannya, disuruhnya tambati puntung api; gemerlapannya dipandang orang. Setelah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya itu, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu amat banyak Melayu itu tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa jadinya kita? Sedang akan sebuah perahu tadi lagi, tiada terlawan oleh kita." Maka kata Awi Dicu, "Benar seperti kata kamu itu, marilah kita kembali". Maka segala perahu Siam pun kembalilah.*

(Sejarah Melayu, hlm. 94-95)

Umar Junus (1984), menyatakan bahawa tindakan Bendahara Paduka Raja Tun Perak tidak boleh disamakan dengan Hang Tuah. Hal ini demikian kerana Bendahara Paduka Raja Tun Perak menggunakan rasional atau kekuatan pemikiran untuk menentukan sebab akibat tertentu, sedangkan Hang Tuah hanya mempunyai kepintaran dan kecekapan (*skill*). Peristiwa yang diketengahkan ini membuktikan bahawa Bendahara Paduka Raja Tun Perak merupakan tokoh berwibawa dalam mengatur strategi mengelak peperangan yang wujud memberi inspirasi kepada masyarakat. Seseorang pemimpin bukan sahaja hanya bijak merancang strategi mengelak perang, malah turut memastikan strategi yang dilaksanakan itu adalah relevan dan taktikal.

### Strategi Menteri Jana Putera Dan Tun Telanai Mengelakkan Perang Terhadap Musuh Yang Kuat

Tun Telanai dan Menteri Jana Putera telah mengetui rombongan Melaka ke negara Siam. Ketika berada di Siam, rombongan Melaka diuji oleh Raja Siam untuk melihat kekuatan dan kesetiaan mereka. Raja Siam telah meminta pertolongan mereka supaya membantu angkatan tentera Siam menentang musuh di sempadan Siam. Siam sengaja mengatur agar tentera Melaka menentang musuh yang kuat iaitu di bahagian barat sementara tentera Siam menentang musuh yang lebih lemah iaitu di bahagian timur. Tun Telanai dan Menteri Jana Putera mengetahui bahawa tentera Melaka yang sedikit tidak akan mampu untuk menandingi musuh di bahagian barat itu. Oleh kerana mahu menjaga maruah negeri dan kesultanan Melaka, Menteri Jana Putera telah merancang strategi untuk mengelak daripada memerangi tentera yang kuat. Menteri Jana Putera telah memberi alasan kepada Raja Siam bahawa orang Melaka kesemuanya adalah beragama Islam. Pengarang telah memasukkan analogi peribadi iaitu agama. Oleh itu mereka tidak boleh berperang menghadap matahari jatuh kerana di situ letaknya arah kiblat umat Islam. Strategi ini secara simboliknya menunjukkan pengaruh ideal seorang pemimpin yang bijaksana. Dalam konteks ini bukanlah sahaja antara pemimpin dengan pengikut. Malah di antara pembesar Melaka dengan Raja Siam yang sebelum ini tidak mempunyai hubungan diplomatik. Pada awal kedatangan rombongan Melaka ke Siam mereka telah diuji dengan pelbagai pertanyaan mengenai negeri Melaka. Walau bagaimanapun soalan yang dikemukakan oleh Raja Siam dapat dijawab dengan bijaksana oleh kedua-dua pembesar Melaka tersebut. Hal ini membuatkan Raja Siam kagum dengan negeri Melaka kerana mempunyai pembesar yang arif dan bijaksana. Contohnya:

*Apa erti Mansur Syah? Tun Telanai diam. Maka sembah Menteri Jana Putera, "Erti Mansur Syah , raja yang dimenang akan Allah Taala daripada segala seterunya."*

*Maka titah Raja Siam, "Apa sebab Melaka diserang Siam, tiada alah?" maka Tun Telanai pun menyuruh memanggil seorang Suir, seorang tua, lagi untut kakinya. Maka disuruh oleh Tun Telanai bermain leming di hadapan Paduka Bubunnya.*

(Sejarah Melayu, hlm. 109)

Dari sudut kebijaksanaan individu yang membawa kepada analogi peribadi, terlihat apabila Tun Telanai dan Menteri Jana Putera berbincang mengenai kemampuan tenteranya sebelum menerima arahan secara bulat-bulat. Menteri Jana Putera dan Tun Telanai memahami akan kemampuan pengikutnya. Oleh itu, mereka mengetahui apa yang sebaiknya mereka lakukan demi membantu pengikutnya dan dalam masa yang sama menjaga maruah orang dan negeri Melaka. Contohnya:

*Maka Tun Telanai pun mesyuarat dengan Menteri Jana Putera; maka kata Tun Telanai, "apa bicara kita disuruhnya melanggar di tempat yang keras, orang kita hanya sedikit".*

(Sejarah Melayu, hlm.110)

Apabila mendengar penjelasan daripada Menteri Jana Putera, Raja Siam akur dan menukar strategi agar tentera Melaka tidak perlu menyerang di bahagian barat. Sebaliknya menyerang di bahagian timur kerana menghormati agama Islam. Angkatan perang Melaka akhirnya berjaya mengalahkan musuh di sebelah timur dengan jayanya. Raja Siam mengakui kehebatan dan kebijaksanaan orang-orang Melaka dan mengakui kedaulatan sultan dan negeri Melaka. Kejayaan ini membangkitkan semangat dan motivasi rombongan Melaka kerana selepas itu mereka menerima penghargaan daripada Raja China. Contohnya:

"Maka Tun Telanai pun mesyuarat dengan Menteri Jana Putera; maka kata Tun Telanai, "apa bicara kita disuruhnya melanggar pada tempat yang keras, orang kita hanya sedikit." Maka sahut Menteri Jana Putera, "marilah kita menghadap Paduka Bubunya, bicara itu betalah berdatang sembah pada Paduka Bubunnya." Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun pergihal mengadap paduka bubunnya. Maka sembah Menteri Jana Putera, "tuanku, akan adat kami, segala Islam, apabila sembahyang, menghadap ke matahari mati,jikalau ada kurnia duli Pra Cau, biarlah patik-patik kepada ketumbukan yang lain. Perang mengadap ke matahari mati pemali".

Maka titah Paduka Bubunnya, "jika kamu tidak boleh perang mengadap matahari mati, ke matahari hiduplah pindah"....Adapun tempat itu nipis sedikit, lagi kurang alatannya, maka dilanggarlah oleh orang Melaka. Dengan takdir Allah Taala,negeri itupun alahlah; orang Melakalah yang pertama menempuh dahulu. Setelah negeri itu sudah alah, maka Paduka Bubunnya pun memberi anugerah akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dengan segala orang Melaka.

(Sejarah Melayu, hlm. 110)

Menurut Mohd Rosli Saludin (2009), pemimpin yang beradab mesti mempunyai sifat berani mengikut alur nan patut. Sifat berani adalah kerana benar dan juga mempertahankan agama, adat, diri, anak buah, keluarga, bangsa, dan tanah air. Menteri Jana Putera merupakan seorang pemimpin yang berani dan berfikir secara kritis. Apabila keadaan genting, Menteri Jana Putera dan Tun Telanai cuba menukar situasi secara halus tanpa disyaki oleh Raja Siam. Menteri Jana Putera telah menggunakan strategi mengelak peperangan dengan musuh yang kuat dan secara tidak langsung menunjukkan kewibawaannya sebagai pemimpin yang mempunyai sifat intelektual. Sebaliknya apabila menyerang musuh yang lebih lemah dapat membawa kejayaan kepada negara Siam. Taktik ini menunjukkan bahawa Menteri Jana Putera dan Tun Telanai merupakan pembesar yang bijaksana dan berani. Pengarang memperlihatkan kewibawaan watak dengan mempunyai pertimbangan individu dan ia dapat dilihat ketika Tun Telanai berbincang dengan Menteri Jana Putera mengenai permasalahan tersebut. Tun Telanai dan Menteri Jana Putera menyedari kemampuan mereka kerana bilangan tentera yang sedikit tidak akan mampu melawan musuh yang kuat. Pertimbangan yang dilakukan mengambil kira soal keselamatan, maruah negara dan hubungan diplomatik dengan Siam. Perbincangan dilakukan bagi mengambil kira pandangan lain dalam usaha menjaga maruah negara dan orang Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemberian buah fikiran secara bersama-sama akan membawa idea yang bijaksana dan dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa.

Melalui idea yang kreatif, pengarang memberi kemenangan kepada rombongan Melaka dan mereka mendapat motivasi apabila mereka berjaya mengalahkan musuh. Secara tidak langsung mereka mendapat pengiktirafan dan penghargaan daripada Raja Siam. Mendapat penghargaan daripada raja merupakan suatu yang sangat membanggakan apatah lagi daripada raja besar seperti Raja Siam. Bermula daripada perancangan mengelak peperangan di kawasan yang kuat, kemudian kejayaan menentang musuh, seterusnya mendapat penghargaan raja, semua itu memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi pengikut. Tidak hanya motivasi dan inspirasi itu pada ketika itu sahaja, tetapi pada masa akan datang kepercayaan pengikut terhadap pemimpin akan meningkat dan berusaha untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik pada masa akan datang.

#### Kewibawaan Hang Tuah Mengelakkan Melaka Daripada Diserang Megat Terengganu

Menurut Siti Aisah Murad (1993), Hang Tuah akan berasa bahagia apabila hati rajanya gembira dan apabila dimurkai, Hang Tuah akan menambat hati tuannya dengan berusaha memperoleh apa yang dihajati oleh tuannya. Hal ini dapat dibuktikan pada peristiwa Hang Tuah melarikan Tun Teja demi mengambil hati Sultan Melaka. Peristiwa Hang Tuah sebagai tokoh berwibawa yang berjaya mengelak peperangan dengan Inderapura dan Megat Terengganu menjadi bukti taat setia dan kebijaksanaannya. Kesinambungan daripada peristiwa Hang Tuah melarikan Tun Teja, berlaku satu lagi ancaman besar dari Megat Terengganu. Megat Terengganu ialah anak kepada Raja Terengganu dan bakal suami Tun Teja. Tindakan Hang Tuah melarikan Tun Teja mengundang dendam dan kemarahan kepada Megat Terengganu. Disebabkan itu, Megat Terengganu berazam untuk membala dendam terhadap Hang Tuah dan Sultan Melaka. Contohnya:

*Maka sembah Tun Megat, "ya tuanku, patik datang mengadap Duli Yang Dipertuan ini hendak bermohon ke Bawah Duli Yang Dipertuan hendak pergi ke Melaka, kerana Raja Melaka itu menunjukkan laki-lakinya kepada patik. Apatah gunanya patik hidup menanggung malu sama anak raja-raja dan tewas? Baiklah patik mati. Apatah tewas patik akan Sang Maniaka itu pada barang mainnya sekalipun? Adapun yang orang patik yang empat ribu pertikaman itu, insya-Allah Taala, patik amukkan di dalam negeri Melaka itu sejam lamanya dan gajah patik yang bernama Syah Kertas yang gila makan minyak itu patik radungkan pada balairung Raja Melaka yang tujuh belas ruang itu. Jika tiada patik perbuat seperti cakap patik ini, bukanlah anak Raja Terengganu! Patik bermohonlah hendak berjalan ke Inderapura."*

(Hikayat Hang Tuah, hlm. 238)

Bagi mengelakkan daripada berlakunya perang di Melaka, maka Hang Tuah mencadangkan agar Sultan Melaka membenarkannya membawa Hang Jebat, Hang Kasturi dan 40 orang jejenang ke Inderapura untuk berhadapan dengan Megat Terengganu melalui jalan laut. Manakala melalui jalan darat Hang Tuah mencadangkan agar Sultan Melaka menyediakan tentera yang diketuai oleh beberapa pegawai. Rasionalnya, jika Hang Tuah tidak sempat bertemu dengan megat Terengganu di Inderapura, tentera-tentera darat akan dapat menyekat Megat Terengganu daripada mencerobohi Melaka. Cadangan ini disambut baik oleh bendahara dan Sultan Melaka. Setibanya di Inderapura, Hang Tuah, Hang Jebat, dan Hang Kasturi telah bermesyuarat mengenai cara hendak membunuh Megat Terengganu. Lalu mereka sepakat agar Hang Tuah mengadap Raja Inderapura dan meminta kebenaran untuk melihat sama ada Megat Terengganu yang bakal mengadap Raja Inderapura. Sementara Hang Jebat, Hang Kasturi, dan 40 orang jejenang menyamar sebagai rakyat untuk melindungi Hang Tuah. Hal ini demikian kerana, Megat

Terengganu mengetahui kedatangan Hang Tuah ke Inderapura untuk membunuhnya. Apabila tiba di istana Raja Inderapura, Megat Terengganu telah diserang oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi. Pertarungan sengit terjadi kerana Megat Terengganu merupakan seorang yang kebal dan pandai berlawan. Nasib tidak menyebelahi Megat Terengganu kerana akhirnya Megat Terengganu mati ditikam oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi. Megat Kembar Ali yang kesal dengan kematian Megat Terengganu cuba mencabar Hang Kasturi dan Hang Jebat namun akhirnya turut tewas di tangan dua pahlawan Melaka itu. Apabila melihat Megat Terengganu dan Megat Kembar Ali telah mati dibunuh, pengikut-pengikut anak raja Terengganu seramai 4000 orang itu masing-masing mlarikan diri. Hang Tuah, Hang Kasturi, Hang Jebat, dan 40 orang jejenang pulang semula ke Melaka dan mempersebahkan gajah Kertas Syah kepada Sultan Melaka. Peristiwa ini telah memperlihatkan kewibawaan Hang Tuah sebagai ketua angkatan perang yang memiliki sifat kepimpinan dan strategi dalam menentang Megat Terengganu. Pada awalnya Megat Terengganu berniat untuk membunuh Hang Tuah, Sultan Melaka dan menghancurkan negeri Melaka kerana mlarikan Tun Teja. Namun hasrat ini disekat dengan kebijaksanaan Hang Tuah yang mengambil langkah drastik dan berani dalam membuat keputusan serta mengambil risiko. Hang Tuah memiliki kebijaksanaan intelek dan dapat dilihat apabila Hang Tuah sering menyumbangkan idea bernes walaupun dalam keadaan kritis. Kesanggupan Hang Tuah berfikir secara kritis menunjukkan bahawa Hang Tuah merupakan seorang pemimpin yang amat bertanggungjawab dan dedikasi. Contohnya:

*Patik pohonkan Tun Jebat, Tun Kasturi, akan jejenang, kerana pergi patik ini jalan laut; lagipun supaya segera patik bertemu dengan megat panji alam itu di inderapura. Pada bicara patik, jalan darat pun baik juga duli yang dipertuan menitahkan pegawai yang bertemu dan rakyat barang dua tiga ribu pertikaman menanti di jalan darat, kalau Megat Panji Alam itu tiada bertemu patik, kalau ia sudah berjalan." Setelah raja menengar sembah laksamana demikian itu, maka titah raja, demikian, "Tun Utama kita titahkan jadi Panglima Tua dan Tun Bija Sura jadi panglima muda, Tun Lekir jadi jejenang, Tun Lekiu jadi jejenang muda dan tiga ribu orang yang pertikaman sertanya.*

(Hikayat Hang Tuah, hlm. 244)

Hang Tuah bukanlah seorang yang mementingkan pangkat dan nama. Sebaliknya seorang yang sangat menghargai orang-orang yang menjayakan misinya. Secara logiknya, sikap pemimpin yang menghargai pengikut akan membuatkan pengikut berasa dihargai dan lebih bersemangat untuk bekerja. Sultan Melaka kemudiannya memberi anugerah kepada Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi dan 40 orang pengikut yang turut serta dalam misi itu. Contohnya:

*Maka raja pun menanggalkan segala pakaianya dari tubuh baginda dianugerahkan pada laksamana dan memberi anugerah akan Hang Jebat, Hang Kasturi dan keris panjang Megat Terengganu dianugerahkan pada Hang Jebat. Keris pandak itu pada Hang Kasturi; lembing bersampak emas itu diambil raja.*

*Maka titah raja, "hai laksamana, siapa-siapa serta laksamana, kerana kita hendak tahu?" maka sembahnya, "daulat tuanku, adapun yang pergi dengan patik empat puluh orang yang baik, tuanku," setelah raja menengar sembah laksamana demikian itu, maka raja pun memberi anugerah persalin akan adipati jemaja dan batin yang bergelar enam orang itu dan memberi anugerah akan orang yang empat puluh itu masing-masing pada kadarnya.*

(Hikayat Hang Tuah, hlm. 225)

Sejak kemunculan Hang Tuah, Melaka semakin gemilang di mata dunia. Hang Tuah menjadi tunggak utama kerajaan Melaka dalam menjadi sebuah negara yang berpengaruh dan stabil. Keberadaan Hang Tuah di Melaka membuatkan Melaka ampuh dari serangan musuh. Beberapa pembesar Melaka sendiri melahirkan rasa cemburu terhadap Hang Tuah kerana Hang Tuah berjaya menyelesaikan banyak isu di Melaka, dan sangat disayangi sultan. Hal ini membuatkan beberapa pembesar berasa tersisih. Walau bagaimanapun, setelah Hang Tuah "dihukum bunuh," baharulah pembesar-pembesar tersebut menghargai kepentingan dan keberadaan Hang Tuah di bumi Melaka.

## Kesimpulan

Kesimpulannya kewibawaan tokoh-tokoh merujuk teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam mengatur strategi mengelak perang dapat dilihat melalui peranan pengarang yang menyurat teks tersebut agar dapat meninggikan akal budi dan budaya masyarakat untuk berfikir kreatif dan boleh menyelesaikan masalah melalui gambaran watak yang telah dipilih. Hal ini demikian kerana, kewibawaan tokoh yang mengubah dari strategi perang, kepada strategi mengelak perang yang dilihat sangat bijaksana dan berhemah. Ada kalanya strategi yang dirancang kelihatan tidak munasabah tetapi pada akhirnya strategi tersebut terbukti praktikal dan berkesan. Peristiwa-peristiwa menarik ini dapat meninggalkan beberapa kesan, antaranya kesan terhadap negara bangsa. Setelah merungkaikan satu persatu strategi mengelak perang yang direncanakan oleh tokoh-tokoh berwibawa, makalah ini mendapat keberhasilan strategi tersebut memberikan impak yang positif. Pertama adalah kesan sosial iaitu dapat menyelamatkan ribuan nyawa. Kewibawaan tokoh dalam mengatur strategi mengelak perang memberikan banyak kesan positif kepada masyarakat, bangsa dan negara. Kesan yang paling dominan ialah dapat menyelamatkan ribuan nyawa daripada terkorban. Kelengkapan sesebuah peperangan mengambil kira soal bilangan tentera yang terlibat dalam misi perang. Misalnya, sewaktu menyekat kemaraan Megat Terengganu ke Melaka, seramai 3000 tentera dikerah untuk mempertahankan Melaka melalui jalan darat. Keberhasilan rancangan Hang Tuah membunuh Megat Terengganu di Inderapura akhirnya dapat mengelakkkan Melaka daripada berperang besar dengan tentera Terengganu. Keangkuhan Megat Terengganu yang berhasrat untuk memusnahkan Melaka didorong oleh sifat dendam dan marah terhadap Hang Tuah dan Sultan Melaka. Walau bagaimanapun, Hang Tuah lebih berbakat dan berpengalaman dalam menangani krisis peperangan kerana telah terlibat dengan banyak krisis dalam hidupnya. Ternyata kewibawaan pemimpin dapat melindungi negara dan menyelamatkan nyawa rakyat daripada terkorban akibat peperangan. Keberhasilan strategi mengelak perang membuatkan negara kembali aman dan tenteram

daripada ancaman musuh. Rakyat dapat menjalani hidup dengan selamat dan tenteram dengan adanya pemimpin yang berwibawa yang sentiasa berusaha melindungi negara bangsa daripada pencerobohan anasir luar.

Kedua ialah dapat membuka mata masyarakat tentang keburukan perperangan. Seterusnya, perang dapat mengakibatkan trauma kepada insan yang menghadapinya. Perang akan menjelaskan pembangunan sumber manusia pada masa hadapan. Kesan kecederaan, kehilangan orang yang disayangi, dan kehilangan harta akibat perang akan memberi kesan mendalam kepada manusia. Akibat daripada perang manusia akan hidup dalam ketakutan yang berpanjangan dan masalah sosial yang lain. Kehidupan akan terjejas sekiranya mangsa perang tidak mampu bangkit daripada kesan atau trauma perang. Keburukan perang sememangnya diketahui umum, namun tidak semua orang menghayati kesan-kesan perperangan kerana tidak menghadapinya sendiri. Masyarakat perlu mengerti kesan-kesan perang supaya dapat menghargai kehidupan yang aman dan memahami keperluan strategi mengelak perang. Kewibawaan tokoh seperti Hang Tuah, Bendahara Paduka Raja Tun Perak, Menteri Jana Putera, Tun Telanai, dan Perdana Menteri China harus dapat membuka mata masyarakat tentang keberhasilan strategi mengelak perang. Tokoh-tokoh ini merupakan perintis terbaik dalam merangka strategi mengelak perang pada waktu itu. Berhadapan dengan kuasa besar bukan perkara yang mudah apatah lagi apabila membabitkan soal perang. Strategi yang dirancang bukanlah strategi picisan kerana mempertaruhkan nyawa dan negara. Jika strategi yang dirancang gagal, bukan sahaja maruah negara tercalar malah yang lebih buruk adalah berlakunya perang yang boleh menghancurkan negara bangsa.

Ketiga, dapat memberi inspirasi kepada masyarakat melalui aplikasi strategi kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah. Penghormatan bukan mudah diraih kerana memerlukan sokongan dan kepercayaan banyak pihak. Pemimpin yang berkarakter mampu meraih sokongan daripada pengikut melalui personaliti dan karisma yang ada pada dirinya. Bukan hanya pandai berhujah atau beretorik semata tetapi mampu menjadi model dalam kepimpinannya. Pemimpin yang berkualiti mampu mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu krisis, bukan mengharapkan orang bawahan atau pengikutnya menyuarakan idea. Pemimpin sebagai idola adalah pemimpin yang hadir dengan 1001 cara, yang mampu berdiri di hadapan barisan perang, dan yang mampu mempertahankan pengikutnya melalui alternatif yang kreatif. Pemimpin yang mempunyai kreativiti seperti ini memberi inspirasi kepada pengikutnya supaya bijak menyelesaikan sesuatu masalah.

Keempat, memelihara aset negara. Melihat dari sudut ekonomi maka aset dan maruah negara dapat dipelihara sekiranya dapat mengelakkan perperangan daripada meletus. Sesebuah negara yang berdaulat bukan sahaja mempunyai raja, rakyat, malah harta milik negara yang menjadi sumber pendapatan. Apabila berlakunya perang, negara akan mengalami kerugian dari sudut ekonomi akibat kemasuhan harta benda negara. Hal ini dapat dielakkan dengan perancangan strategi mengelak perang yang berjaya dirangka oleh pemimpin-pemimpin berwibawa. Kemasuhan akibat perang bukan sedikit dan bukan mudah untuk menjalankan proses baik pulih dalam masa yang singkat. Mohd Rosli bin Saludin (2009), menyatakan bahawa dasar ekonomi yang sihat akan mewujudkan masyarakat yang makmur dan kebudayaan akan dapat berkembang. Melalui strategi mengelak perang, kemasuhan dapat dielakkan sekaligus memberi kehidupan yang harmoni kepada masyarakat. Ekonomi yang kukuh dapat menggalakkan aktiviti-aktiviti perdagangan dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara luar dalam usaha mengukuhkan kestabilan ekonomi. Pembangunan negara akan lebih berkembang selain memberi banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Salah satu lumpuhnya sektor ekonomi sesebuah negara adalah disebabkan perang. Melalui strategi mengelak perang, kesan jangka panjang ini dapat dielakkan dengan berkesan dan tanpa perlu mengorbankan nyawa insan tidak berdosa.

Kelima, dapat mengangkat maruah dan mengukuhkan kestabilan politik negara melalui ketokohan pembesar. Menurut Mohd Rosli bin Saludin (2009), konsep maruah ini berkaitan dengan nama baik keluarga, saudara, kampung, suku, negeri, agama, dan bangsa. Dari sudut politik, maruah dan martabat sesebuah negara dapat diangkat apabila berjaya melaksanakan strategi mengelak perang. Negara yang berjaya mengelak daripada berlakunya perang melalui strategi yang bersifat bijaksana dipandang tinggi oleh masyarakat. Kredibiliti seseorang pemimpin untuk meminimumkan kesan perang tanpa perlu menjadikan sesiapa sebagai kambing hitam memperlihatkan betapa kebijaksanaan itu mengatasi kekuatan. Kekuatan dapat menewaskan musuh dengan kudrat, tetapi kebijaksanaan mengalahkan musuh tanpa perlu menggunakan kekerasan. Dua hal yang berbeza ini dapat digunakan dalam merangka strategi mengelak perang sama ada digunakan secara berasingan atau bersama. Namun, yang nyata kekuatan dan kebijaksanaan merupakan dua faktor yang saling bergantungan dalam usaha menjadi pemimpin yang berwibawa. Bukan sahaja masyarakat memandang tinggi terhadap negara sendiri, malah negara-negara luar juga akan berasa kagum dengan kekebalan negara. Apabila sesebuah negara gagal ditawan atau diserang, pasti terdapat faktor-faktor tertentu yang membuatkan sesebuah negara itu mampu bertahan dan sukar dikalahkan. Sebagai bukti, di dalam *Sejarah Melayu* ada memaparkan kemasukan Raja Siam terhadap faktor kekebalan Melaka. Hal itu dijawab dengan penuh berhemah oleh Menteri Jana Putera dan Tun Telanai selaku kombinasi pemimpin yang sangat berpandangan jauh dan sentiasa bersedia dengan idea-idea kreatif. Hal ini membuktikan bahawa kebijaksanaan dan kekuatan pemimpin amat mempengaruhi persepsi orang luar terhadap negara. Oleh itu, dalam setiap urusan diplomatik pemimpin perlu sentiasa mengingati bahawa mereka membawa imej dan maruah negara.

Justeru kewibawaan tokoh dalam usaha merangka strategi mengelak perang dapat memberikan impak besar kepada tiga aspek penting iaitu aspek sosial, ekonomi dan politik. Dari aspek sosial, keberhasilan strategi mengelak perang dapat menyelamatkan banyak nyawa. Selain itu, masyarakat akan lebih terdidik dengan cara pemikiran kreatif kerana untuk merencana strategi memerlukan daya fikir yang tinggi. Malah untuk melaksanakan strategi pula memerlukan sokongan dan kerjasama padu dari pihak-pihak yang terbabit. Melalui makalah ini maka dapat diperkatakan bahawa perang bukanlah jalan terbaik untuk meluaskan tanah jajahan. Hal ini demikian kerana, perang akan mengakibatkan trauma dan kesan mendalam terhadap mangsa perang. Dari sudut ekonomi pula, strategi mengelak perang dapat mengelakkan daripada berlakunya kemasuhan harta benda dan kerugian. Manakala dari segi politik, strategi mengelak perang yang berjaya akan dapat menaikkan martabat sesebuah negara di mata dunia. Ketokohan pembesar yang mengatur strategi mengelak perang disebut zaman berzaman kerana keberhasilan strateginya. Secara tidak langsung, dapat memberikan contoh teladan yang baik yang perlu dihayati.

## Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1996). *Seni Berfikir Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd
- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahan Abd. Aziz, Mohammed Zohir Ahmad. (2008). *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd
- Abu Hassan Sham. (1975). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad
- A.Samad Ahmad. (2005). *Edisi Pelajar Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bono, Edward D. (1996). *Serious Creativity*. London: HarperCollins
- Boris Parnickel. (1997). *Cerita Penglipur Lara dari Segi Kata Putika Sejarahan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu
- Dale L. Brubaker. (2006). *The Charismatic Leader*. United State: Corwin Press
- Munir Shuib & Azman Azmawati. (2001). *Pemikiran Kreatif*. (Peny). Selangor: Prentice Hall.
- Michael Fullan. (2004). *Leading in a Culture of Change*. San Francisco: Wiley Imprint
- Muhammad Haji Salleh. (2010). *The Epic of Hang Tuah Malay Great Work*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Mohd Rosli Saludin. (2009). *Teromba sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd
- Norazimah bt Zakaria. (2013). "Hikayat Melayu @ Sejarah Melayu Long Version Versi Tengku Said: Satu Kajian Teks Sastera Sejarah" dlm *Jurnal Melayu*. Bangi, UKM
- Norazimah Zakaria. (2014). "Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir" dlm *Procedia-Social and Behavioral Sciences* Vol.134, p.259-269 dimuat turun pada 16 februari 2016 di <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031577>
- Norazimah Zakaria. (2013). "Cerita Mitos dalam Dua Dunia" dlm *Jurnal Peradaban Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Institut Peradaban Melayu
- Rene Wellek dan Austin Warren. (1988). *Teori Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Aisah Murad. (1993). *Konsep Wira dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Umar Junus. (1984). *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd
- Umar Junus. (1996). *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka